

Zakri lebih sukar

PEMENANG pingat perak silat kelas D, Sukan SEA di Jakarta, Zakri Ibrahim, akan memberi tumpuan kepada latihan fizikal sebagai persediaan menghadapi Kejuaraan Silat Dunia ke-4 di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini.

Antaranya latihan angkat berat dan berlari sejauh empat kilometer setiap hari, di samping latihan silat pada hari Sabtu dan Ahad.

11 OCT 1987

Zakri juga terpaksa menumpukan perhatian kepada pelajaran kerana akan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 16-30 November.

"Nampaknya saya perlu bersedia untuk dua cabaran — satu peribadi dan satu lagi negara," kata beliau.

Menurut Zakri, kejayaan mengutip pingat perak tidak memberi kebahagiaan sebenar kepada dirinya kerana gagal memenuhi hasrat negara dan Pe-saka yang mengharapkan emas.

Singkir B. Minggu (M)

"Tetapi berazam untuk menebus kehampaan itu di kejohanan dunia dan menyingkirkan Dany Wisnu dari Indonesia, yang akan mempertahankan kejuaraan dunianya itu," ujarnya penuh semangat.

Zakri membabitkan diri dalam perguruan silat Gayong Malaysia Cawangan Sekolah Aminudin Baki Kampung Pandan setahun lalu dibawah jurulatih, Ahmad Fauzi Othman.

Pesaka serba salah

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) masih belum memutuskan sama ada membuat pemilihan semula atau kekalkan pesilat-pesilat lama bagi Kejuaraan Silat Dunia Ke-4 di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini, lapor **RAHIME MOHD YUSOFF.**

B. Minggu (M)

Naib Presidennya, Anuar Abdul Wahab berkata, ura-ura berbuat demikian baru-baru ini cuma sebagai cadangan sahaja.

Bagaimanapun, keputusan muktamad akan ditentukan dalam mesyuarat jawatankuasa Pesaka pada 17 Oktober ini.

Naib Presiden itu memberitahu, menyediakan dua pasukan bukan perkara mudah. Ia membabitkan pengurusan yang besar sedangkan waktunya semakin suntuk.

"Jika pemilihan dilakukan, pesilat terbaik akan diletakkan dalam Kumpulan A, manakala yang kurang baik Kumpulan B. Penentuan ini

akan dilakukan dalam latihan pusat November ini," jelasnya.

Menurutnya, dengan menyediakan dua kumpulan, pesilat dapat berlatih sesama sendiri mengikut kelas masing-masing.

Ramal 11 OCT 1987

Beliau tidak menolak kemungkinan pesilat-pesilat kebangsaan yang bertanding di Jakarta lalu akan tersingkir.

Bagaimanapun, Anuar tidak berani meramal tentang kedudukan sebenar perkara itu.

Ia bergantung kepada keupayaan mereka sendiri, kata beliau.

Bagaimanapun Pesaka mungkin sukar menggugurkan 10 pesilat lelaki kerana kesemua mereka berjaya menggondol pingat di Sukan SEA itu, dua emas, dua perak dan enam gangsa.

Piala mungkin dinamakan Hang Tuah

ALA rebutan di Kejuaraan Silat Sedunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini, mungkin dinamakan Piala Hang Tuah, demikian dibayangkan oleh Penolong Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Sunan Sarijan.

14 OCT 1987

Walaupun Jawatankuasa Cenderamata Kejo-an belum memutuskan nama bagi piala pujan itu, nama Hang Tuah setakat ini diteri-secara tidak rasmi.

Cadangan nama Hang Tuah itu turut diper-ujui oleh Indonesia yang mengakui keperwi-pahlawan Melayu itu," tambahnya.

Ujaiman memberitahu, selain piala pu-pan, pihaknya yang bermesyuarat semalam it memutuskan pemberian piala iringan ke-a negara terbaik, pesilat terbaik dan pesilat-apan.

B. Harian (M)

Sementara itu, Switzerland menarik diri ipada menyertai kejohanan itu kerana ghadapi masalah menyediakan pesilat- g baik.

enyelaras negara itu, Hakka Tahir, sudah gumumkan urusetia Persekutuan Pencak- t Antarabangsa (Pesilat) yang berpusat di- arta minggu lalu.

engan pengunduran itu, hanya 19 negara- n menyertai kejuaraan itu.